



MOHD. Ariffin Arif (tengah) menanam pokok sebagai simbolik bagi merasmikan program amal memucang-mucang atau bergotong-royong Jabatan Canselori UMS dengan kerjasama PMBS di Kampung Binsulok, Membakut, Sabah, baru-baru ini.

UMS laksana program memucang-mucang

UM 19.2.2014 36

KIMANIS 18 Feb. - Program amal memucang-mucang atau bergotong-royong Jabatan Canselori Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Belia Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS) di Kampung Binsulok, Membakut baru-baru ini wajar dilaksanakan secara berterusan.

Ketua Jabatan Canselori, No'man Ahmad berkata, program berkenaan harus menjadi titik permulaan dalam melaksanakan lebih banyak aktiviti seumpamanya di kawasan pedalaman lain, selaras dengan matlamat mendekati masyarakat yang menyokong UMS selama dua dekad.

"UMS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi terulung di negeri ini harus memainkan peranan utama dalam menggerakkan kerja-kerja kemasyarakatan seperti ini, sekali

gus menjadi contoh dan ikutan agensi-agensi lain dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat mereka," katanya.

Projek amal itu dirasmikan Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Mohd. Ariffin Arif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Membakut.

Tambah No'man, aktiviti berbentuk kemasyarakatan perlu diperbanyak dan diperluaskan ke kawasan lain bagi membantu pembangunan jasmani dan rohani kawasan tersebut.

Katanya, mengambil contoh aktiviti memucang-mucang di Kampung Binsulok, selain kerja-kerja membaik pulih kemudahan penduduk kampung, program ini turut mengajak masyarakat untuk menghayati kepentingan menuntut ilmu, selain merapatkan hubungan silaturahim.